

# Kempen PruBSN WarisanPlus Muafakat Bersama

## Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Februari 2021 hingga 28 Februari 2021, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/ nombor telefon dan maklumat akaun bank yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch pada 15 Mac 2021.
4. Kelayakan Kempen:
  - a. Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baharu) **PruBSN WarisanPlus** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dalam bulan Februari 2021, di mana sijil tersebut haruslah diterima (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum 15 Mac 2021 ("Pelanggan yang Layak").
  - b. Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dan tiada sumbangan tertunggak pada 1 April 2021.
  - c. **Kaedah Pembayaran** haruslah dilakukan melalui:
    - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau
    - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch
5. Ganjaran Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat **langganan PERCUMA** PruBSN Aman dan **ganjaran pulangan tunai** ("Ganjaran") berdasarkan syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan setiap Sijil	Ganjaran setiap Sijil
PruBSN WarisanPlus	• Jumlah Perlindungan Asas RM400,000 - RM699,999	Langganan PERCUMA PruBSN Aman bernilai RM120
	• Jumlah Perlindungan Asas RM700,000 - RM999,999	Langganan PERCUMA PruBSN Aman bernilai RM120 + Pulangan Tunai RM150
	• Jumlah Perlindungan Asas RM1,000,000 dan ke atas	Langganan PERCUMA PruBSN Aman bernilai RM120 + Pulangan Tunai RM250

### Ganjaran Langganan Percuma PruBSN Aman

- a. Pelanggan yang Layak akan menikmati langganan percuma PruBSN Aman yang bernilai RM120 sumbangan pendahuluan. PruBSN Aman merupakan pelan takaful keluarga berasaskan komuniti Peer-to-Peer (P2P) yang memberikan perlindungan terhadap kematian dan manfaat Khairat sehingga RM10,000. Keterangan lanjut mengenai PruBSN Aman boleh didapati di [www.prubsn.com.my/ms/protection/prubsn-aman/](http://www.prubsn.com.my/ms/protection/prubsn-aman/)
- b. Pelanggan yang Layak hanya boleh menyertai PruBSN Aman sekali sahaja.
- c. Jika Pelanggan yang Layak sudah menyertai PruBSN Aman atau layak untuk lebih daripada satu (1) langganan percuma di bawah kempen ini, Ganjaran mungkin boleh dipindahkan kepada ahli keluarga terdekat Pelanggan yang Layak tertakluk pada penilaian dan persetujuan PruBSN secara kes demi kes.
- d. Pelanggan yang Layak akan menerima langganan percuma PruBSN Aman mulai 1 Mei 2021.
- e. Penebusan langganan PruBSN Aman secara percuma ini hendaklah dilakukan sebelum 31 Mei 2021. Untuk proses pengesahan, RM1 akan dikenakan dan kemudiannya akan dikembalikan.
- f. Pelanggan yang Layak adalah tertakluk pada syarat penggunaan PruBSN Aman sewaktu berjaya membuat penebusan langganan percuma tersebut.

### Ganjaran Pulangan Tunai

Ganjaran akan dikreditkan kepada akaun bank Pelanggan yang Layak menggunakan butiran e-Kredit yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch mulai 1 Mei 2021.

6. Pelanggan yang Layak untuk mendapat Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan.
7. Kes-kes ejen sendiri akan dikecualikan (di mana ejen ialah peserta/pemilik sijil di dalam pelan tersebut) daripada kempen ini.
8. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Ganjaran Pulangan Tunai dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Ganjaran dikreditkan.
9. Ganjaran Langganan Percuma PruBSN Aman tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
10. PruBSN boleh menggantikan Ganjaran tersebut dengan barang lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
11. Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai variasi kepada terma dan syarat sijil yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderitan PruBSN.
12. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah tertakluk pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di atas dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
13. Sekiranya terdapat sebarang perenggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.